

MAINS fokus perkukuh akidah mualaf

BERITA HARIAN 8/12/2023 MAS: 19

Seremban: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) mengambil langkah ke hadapan dalam memastikan kepentingan mualaf di Negeri Sembilan terjaga, terutama dari segi akidah dan pegangannya terhadap Islam.

Menerusi program Pensijilan MAINS, agensi itu membimbing mualaf dan anak mereka sebagai usaha memastikan golongan itu mendapat pengetahuan serta kefahaman yang sempurna terhadap Islam.

Penolong Pengarah Program Persijilan MAINS, Noriana Samat, berkata Persijilan MAINS adalah salah satu inisiatif diambil dengan mewujudkan sebuah

pusat pembelajaran berasaskan modul asas pengajian Islam.

Katanya, program berkenaan ditawarkan kepada mualaf, anak mualaf dan saudara Muslim lain yang mempunyai kefahaman minimum mengenai Islam dengan program dijalankan di Kompleks As-Sa'adah, di sini.

"Tempoh pengajian bagi program ini adalah selama satu tahun enam bulan dan merangkumi tiga semester pengajian.

"Tiga teras utama yang diberi penekanan dalam program pembelajaran mereka iaitu akidah, fardu ain dan penguasaan al-Quran," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, pengukuhan dan pemantapan akidah menjadi keutamaan agar mualaf tidak mudah keliru seterusnya kem-

bali kepada agama asal mereka selepas melafazkan syahadah.

Tumpu teori, praktikal

Menurutnya, pembelajaran fardu ain diberi penekanan dari segi teori dan praktikal termasuk aspek bersuci, berwuduk, mandi wajib dan solat.

"Subjek al-Quran pula, antara masa belajar paling lama dan paling banyak jam kredit diberikan.

"Ini bertujuan memastikan setiap pelajar dapat mengenal huruf Hijaiyyah berserta hukum tajwid yang ada dalam al-Quran, seterusnya dapat membaca kitab suci itu dengan baik," katanya.

Sebagai tambahan kepada pembelajaran subjek utama itu, Noriana berkata, pihaknya turut menganjurkan kelas tahsin solat, kelas Feqah dan kelas ilmiah yang lain dalam usaha membantu meningkatkan tahap pemahaman mualaf dan peserta.

Beliau yang juga pensyarah program berkenaan berkata, kecenderungan mualaf menerima Islam memerlukan bimbingan sepenuhnya kerana mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kehilangan pekerjaan, putus hubungan dengan keluarga dan sebagainya.

"Mereka wajar disantuni dengan memenuhi keperluan hidup dan kebajikan agar dapat merasai nikmat persaudaraan Islam," katanya.

Noriana berkata, sejak Program Persijilan MAINS bermula pada 2014, jumlah keseluruhan pelajar yang sudah bergraduasi adalah 134 orang dan terdapat baki 19 pelajar yang bakal melangsungkan konvokesyen seterusnya," katanya.

Dalam pada itu, Noriana berkata, Kompleks As-Sa'adah dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Komuniti MAINS menerusi pelbagai aktiviti dan program keagamaan untuk memberi kefahaman ilmu kepada semua lapisan masyarakat.

Beliau berkata, kompleks itu dibina di atas tanah wakaf dan

Kecenderungan mualaf menerima Islam memerlukan bimbingan sepenuhnya kerana mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran



Noriana Samat,
Penolong Pengarah
Program Persijilan
MAINS

siap sepenuhnya pada 2011 dengan seni bina serta reka bentuk yang diinspirasikan dari Masjid Besar Xian di wilayah Shaanxi di China.

"Pembinaan kompleks ini membabitkan peruntukan daripada Jabatan Waqaf Zakat dan Haji (JAWHAR) sebanyak RM4.5 juta dan penambahan peruntukan daripada MAINS RM3.27 juta.

"Kompleks As-Sa'adah kini dipilih sebagai pusat ilmu dan dakwah yang menyediakan ruang untuk komuniti menambahkan lagi kefahaman agama, membantu kerja dakwah serta menyebarkan luas syiar Islam di Negeri Sembilan khasnya dan seluruh pelusuk Malaysia amnya," katanya.



Kompleks As-Sa'adah dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Komuniti MAINS.

(Foto Mond Aman Jani/B1)